

# Wanita mampu jadi PM lebih baik daripada lelaki

KUALA LUMPUR: Wanita mempunyai kebolehan menjadi Perdana Menteri dan ahli politik yang lebih baik berbanding lelaki, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menyifatkan wanita sebagai pengurus terbaik dalam mengendalikan sesuatu organisasi daripada keluarga, perniagaan mahu pun parti politik kerana pembabitannya dalam apa saja bidang yang diceburi mampu membawa kejayaan.

"Kita perlu sentiasa memberi galakan kepada wanita, mereka adalah pengurus yang sangat baik dan saya percaya mereka mampu menjadi Perdana Menteri dan menguruskan sesebuah negara dengan baik sekali," katanya ketika berucap pada majlis makan malam anjuran Institut Pengurusan Wanita (WIM) di Hotel Westin di sini, malam tadi.

Sebagai Ahli Mulia WIM, Dr Mahathir diberi penghormatan merasmikan

kan majalah perniagaan pertama terbitan organisasi wanita itu bertajuk 'Inspire' dan program pensijilan untuk pengurus profesional (PMGP).

Majlis itu dimeriahkan lagi dengan kehadiran isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Ahli Kehormat Seumur Hidup WIM dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Turut hadir ialah Pengerusi WIM, Datuk Napsiah Omar dan Timbalan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah WIM, Datuk Dr Nellie Tan Wong.

Pada majlis itu, Naib Pengerusi Kumpulan AmBank, Datuk Azlan Hashim menyerahkan sumbangan sebanyak RM100,000 mewakili abangnya, Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim untuk WIM meneruskan kegiatannya.

Sementara itu di IPOH, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) me-



DR MAHATHIR bersama Napsiah (kanan) menerima sumbangan cek RM100,000 daripada Azlan yang mewakili AmBank Group, di Kuala Lumpur, semalam. - Gambar oleh Fathil Asri

ngumumkan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Kepimpinan, dan Pembangunan Pendidikan, hari ini.

Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun selaku Canselor UPSI akan menyempurnakan penganugerahan kepada bekas Perdana Menteri dan isterinya sempena Konvokesyen ke-6 UPSI, di Tanjung Malim.

Pegawai Perhubungan Awam

UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman, berkata penganugerahan diadakan pada Sesi Khas Istiadat Konvokesyen di Dewan SITC pada jam 9 pagi.

Esok, 1,482 graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan 131 graduan Sarjana Pendidikan akan menerima ijazah masing-masing.

Konvokesyen UPSI ke-6 juga akan diadakan di Dewan SITC dalam lima sesi mulai esok hingga Jumaat ini.